

# Gangguan seksual

Oleh Nor Affizar Ibrahim  
affizar@bharian.com.my

## Persekitaran selamat elak ahli sukan jadi mangsa

**G**ANGGUAN dan penindasan seksual adalah isu yang perlu dihadapi dan ditangani semua pihak kerana ia bukan masalah individu semata-mata. Lebih-lebih lagi, dalam bidang sukan kemungkinan berlaku kejadian itu bukanlah sesuatu mustahil.

Cara atlit berpakaian, peluang atau kesempatan pelaku yang sering bersama dan menghabiskan banyak masa dengan mangsa mendedahkan mangsa kepada masalah ini. Kebanyakan bidang sukan yang membabitkan kerjasama antara dua gender tidak sama turut membuka ruang untuk masalah itu berlaku.



**SEORANG** peserta bertanya ketika sesi soal jawab bersama panel pada seminar Gangguan dan Penindasan Seksual Dalam Sukan di Bukit Jalil, baru-baru ini.

Sehubungan itu, komitmen mewujudkan persekitaran selamat, memupuk sikap saling hormat-menghormati dan mengamalkan etika yang sudah digariskan, mesti ada dalam bidang sukan supaya ia dapat memastikan gangguan seksual tidak berlaku.

Selain itu, jalinan perhubungan profesional dan kerjasama erat antara ibu bapa atau penjaga atlet dengan jurulatih atau pegawai sukan perlu sentiasa ada supaya setiap perkembangan dapat diketahui bukan saja mengenai prestasi atlet berkenaan tetapi juga dalam semua aspek lain.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita & Sukan, Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Low Beng Choo, berkata masalah gangguan seksual adakalanya mudah ditangani terutama apabila ada dasar dan kod amalan yang sudah ditetapkan.

"Strategi lain bagi menangani masalah gangguan seksual ialah perlu ada mekanisme untuk mangsa membuat aduan. Seterusnya, aduan yang dibuat perlulah diambil kira dan tindakan perlu diambil, termasuk membuat siasatan terperinci. Pada masa yang sama, mangsa juga perlulah diberikan sokongan," katanya ketika membincangkan isu gangguan seksual di kalangan atlet pada seminar Gangguan dan Penindasan Seksual Dalam Sukan anjuran Institut Sukan Negara (ISN) di Dewan Perdana ISN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Low berkata, MOM sejak dulu lagi bersetuju dan menerima pakai kenyataan bersama mengenai Penderaan dan Gangguan Seksual Dalam Sukan, yang dikeluarkan oleh Lembaga Eksekutif Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa pada 8 Februari 2007.

Katanya, kenyataan bersama itu bukan saja jelas tetapi merangkumi pelbagai aspek bagi menangani masalah penindasan dan gangguan seksual dalam sukan. Malah, selain mendefinisikan apa itu

gangguan seksual, kenyataan bersama itu turut menyatakan faktor risiko dan garis panduan.

Kenyataan bersama itu dikeluarkan bagi melindungi atlet daripada gangguan dan penindasan seksual di samping memberi kesedaran kepada semua bahawa masalah itu bukan saja membabitkan atlet malah pegawai sukan dan sesiaapa saja yang berkaitan.

"Gangguan seksual di kalangan warga sukan biasanya membabitkan mangsa wanita dan pelakunya adalah lelaki. Tetapi antara sama jantina juga tidak mustahil berlaku masalah itu dan tidak juga bermakna, wanita tidak melakukan gangguan seksual. Ini kerana dalam kebanyakan hal wanita yang ada status serta berkuasa, boleh melakukannya kepada orang di bawahannya.

"Gangguan seksual juga bukan saja berlaku dalam satu peringkat atau satu jenis sukan tetapi merangkumi semua. Bagaimanapun, sukan elit adalah paling banyak dilaporkan," katanya.

Sementara itu, Persatuan Pengerusi Disiplin, Persekutuan



**“**Strategi lain bagi menangani masalah gangguan seksual ialah perlu ada mekanisme untuk mangsa membuat aduan”

**Low Beng Choo**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Wanita & Sukan MOM

Hoki Malaysia, Datuk Mohamad Bustaman Abdullah yang membincangkan tajuk, Implikasi Perundangan dan Kaedah Pelaporan, berkata umumnya cabaran menangani gangguan seksual di kalangan atlet merangkumi kerahsiaan, undang-undang, minat orang awam, pembuktian dan mekanisme aduan.

Katanya, mangsa mempunyai tiga pilihan bagi mem-bela hak dirinya iaitu membuat laporan pada pihak pentadbiran; menggunakan kod undang-undang jenayah dan ketiga, membuat tuntutan sivil.

"Mana-mana tindakan yang akan diambil, semuanya perlulah dibuat dan ditangani berhati-hati. Mangsa boleh pilih tindakan yang ingin diambil dan pertimbangkan sama ada keputusan dibuat itu boleh menimbulkan konflik membuat keputusan dan tidak akan mengaibkan.

"Misalnya, apabila kes dibawa ke mahkamah dan terpapar dalam media serta mempunyai nilai berita kepada minat orang awam, mangsa perlu berdepan dengan kenyataan dan situasi yang bakal timbul. Perkara lain perlu diingati ialah bukti yang ingin dikemukakan. Bukti adalah antara penekanan utama dalam kes gangguan seksual. Kejadian gangguan seksual yang membabitkan hanya dua pihak, sukar hendak dibuktikan, apatah lagi jika pelaku memberikan alasan munasabah," katanya.

Mohamad Bustaman berkata, selain itu, apa yang lazim berlaku dalam kes gangguan seksual ialah mangsa tidak bercakap dari awal. Contohnya, jika pelaku memegang buah dada atau punggung mangsa dan tiada aduan dibuat kerana mangsa beraisa malu.

Mengenai kes gangguan seksual yang sudah dilaporkan mangsa kepada pihak dalam-man seperti persatuan atau organisasi mangsa bernaung, katanya, pengendali kes perlu mendengar terlebih dulu dan tidak bersikap prejudis.